

- 2 Anis dan Arun adalah pekongsi dalam perniagaan Woody Enterprise , sebuah perniagaan bahan binaan yang telah ditubuhkan sejak beberapa tahun yang lalu. Berikut adalah baki-baki pada 1 September 2019:

	Anis (RM)	Arun(RM)
Akaun Modal	70 000	35 000
Akaun Semasa	2 500(Debit)	3 790
Pinjaman	20 000	-

Aset dan liabiliti perniagaan pada 1 September 2019 dan 31 Ogos 2020 adalah seperti berikut:

	1 September 2019	31 Ogos 2020
	RM	RM
Kelengkapan Kedai(kos)	80 000	80 000
Kenderaan(kos)	82 000	82 000
Susut Nilai Berkumpul:		
Kelengkapan Kedai	21 000	Perlu dikira
Kenderaan	40 000	Perlu dikira
Alat-alat kecil	5 440	7 650
Inventori Barang Niaga	52 800	60 000
Akaun Belum Terima	63 800	78 300
Akaun Belum Bayar	24 500	18 321
Peruntukan Hutang Ragu	1 750	1 566
Bank	12 880	33 440
Pinjaman SME	-	26 000

Maklumat-maklumat lain yang dipetik dari buku perakaunan perniagaan ini setelah Akaun Perdagangan disediakan pada 31 Ogos 2020:

	RM
Untung kasar	246 249
Ambilan:	
Anis	12 000
Arun	13 000
Komisen Diterima	2 790
Gaji dan upah	63 500
Belanja pentadbiran	25 360
Sewa	16 600
Insurans	1 800
Belanja kenderaan	5 160
Belian alat-alat kecil	4 000
Faedah atas pinjaman Anis	1 000
Faedah atas pinjaman SME	800

Maklumat tambahan:

- i) Satu invoice jualan berjumlah RM 2 300 tertinggal catat dalam kedua-dua akaun. Perkara ini belum diambil kira semasa penyediaan Akaun Perdagangan.
- ii) Gaji yang dibayar adalah termasuk gaji Anis RM9 600
- iii) Insurans yang telah dibayar sebanyak RM1 800 adalah untuk setahun sehingga 31 Disember 2020
- iv) Belanja pentadbiran belum bayar RM200
- v) Pinjaman SME berjumlah RM30 000 telah dibuat pada bulan Disember 2019 untuk tempoh 5 tahun dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun. Bayaran balik pinjaman beserta faedah dibuat setiap bulan mulai Januari 2020.
- vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Kelengkapan Kedai : 10% setahun kaedah ansuran tetap
 - Kenderaan : 30% setahun kaedah baki berkurangan
 - Alat-alat kecil : Kaedah penilaian semula.
- vii) Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara ini:
 - * Faedah atas ambilan dikenakan 10% setahun
 - * Faedah atas modal ialah 5% setahun
 - * Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
 - * Gaji tahunan Anis ialah RM14 400
 - * Elaun tahunan Arun ialah RM2 400
 - * Kongsi untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah modal pekongsi

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020 [13 markah]
- b) Akaun Semasa Pekongsi (berlajur) [4 markah]
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020 [8 markah]

a)

Akaun Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020			
	RM	RM	
Untung kasar			
<u>Tambah Hasil:</u>			
Pengurangan Peruntukan Hutang ragu			
Komisen diterima			
<u>Tolak Belanja:</u>			
Gaji dan Upah			
Belanja pentadbiran			
Sewa			
Insurans			
Belanja kenderaan			
Susut nilai alat-alat kecil			
Susut nilai kenderaan			
Susut nilai kelengkapan kedai			
Faedah atas pinjaman Anis			
Faedah atas pinjaman SME			
Untung bersih			
<u>Tambah:</u>			
Faedah atas ambilan			
<u>Tolak:</u>			
Faedah atas modal			
Gaji Anis			
Elaun Arun			
Akaun Semasa Anis			
Akaun Semasa Arun			

b)

Akaun Semasa Pekongsi							
Tarikh	Butir	Anis	Arun	Tarikh	Butir	Anis	Arun
2019 Sept 1	Baki b/b			2019 Sept 1	Baki b/b		
2020 Ogos 31	Ambilan			2020 Ogos 31	Faedah atas modal		
	Faedah atas ambilan				Gaji		
	Baki h/b				Elaun		
					Faedah atas pinjaman		
					Pengasingan untung rugi		
		<u>78 742</u>	<u>42 861</u>			<u>78742</u>	<u>42 861</u>
				2020 Sept 1	Baki b/b		

c)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020					
	Kos RM	Susut nilai terkumpul RM	Nilai Buku RM	Jumlah RM	
<u>Aset Bukan Semasa</u>					
Kelengkapan Kedai	80 000				
Kenderaan	82 000				
Alat-alat kecil					
<u>Aset semasa</u>					
Inventori akhir					
Akaun Belum Terima					
(-) Peruntukan hutang ragu					
Bank					
Insurans prabayar					
<u>(-) Liabiliti semasa</u>					
Akaun Belum Bayar					
Pinjaman SME					
Belanja pentadbiran belum bayar					
Modal kerja					
				236 603	
<u>Ekuiti Pemilik</u>					
Akaun Modal :					
Anis					
Arun					
<u>Akaun Semasa:</u>					
Anis					
Arun					
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>					
Pinjaman Anis					
Pinjaman SME					
				236 603	